

20 MAC 2018

## Suspek dadah Malaysia Mr T berdepan hukuman mati di mahkamah Thailand

### Suspek dadah Malaysia, Mr T berdepan hukuman mati di mahkamah Thailand

BANGKOK - Seorang lelaki kelahiran Johor yang digelar media Malaysia sebagai Mr T boleh dihukum mati kerana peranannya dalam cubaan menyeludup 282 kilogram (kg) Ice ataupun methaphetamine kristal ke Malaysia dua tahun lalu.

Tan Hun Seong dan tiga koncnya telah didakwa secara rasmi di sebuah mahkamah Thailand di bawah akta narkotik negara itu yang selain daripada hukuman mati, turut memperuntukkan penjara seumur hidup terhadap pesalah.

Menurut kertas mahkamah dilihat oleh *Bernama*, Mr T yang berusia pertengahan 60-an, seorang lelaki Taiwan berumur 69 tahun dikenali sebagai Jimmy dan dua wanita Thailand akan dibicarakan di Mahkamah Jemayah Bangkok bermula Mei depan.

Penangkapan Hun Seong oleh pasukan polis lengkap bersen-

jata di Lapangan Terbang Hatyai April tahun lalu mendapat liputan media meluas di Thailand dan Malaysia.

Pihak berkuasa Thai mengesyaki Hun Seong yang menetap di Hatyai dan mempunyai isteri warga Thailand merupakan anggota kanan sebuah sindiket dadah antarabangsa yang mengambil dadah dari Segi Tiga Emas melalui utara Thailand dan menyeludupnya ke Malaysia.

Seorang sumber memberitahu bahawa Mr T mengekalkan pengakuan tidak bersalah dan menafikan peranan dalam sindiket berkenaan di samping cubaan menyeludup 282kg Ice ke Malaysia tetapi pihak berkuasa yakin mengenai kes tersebut selepas melakukan siasatan yang lama.

Menurut sumber, Hun Seong telah melantik seorang peguam bagi mewakili kesnya. - Bernama